



PERATURAN PERMAINAN LAWN BOWLS PAIRS

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Lawn Bowls Antarabangsa (*Law of the Sports of Bowl Crsytal Mark 3rd Edition*) dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) yang sedang berkuatkuasa dan akan diakui sepanjang masa kejohanan ini serta dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Staf Antara Jabatan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Inter PTJ).
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Selain dari peraturan di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan-peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran Inter PTJ.
- 1.4 Semua bantahan berkaitan dengan perkara teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal Pertandingan atau Teknikal Delegat dan sebarang keputusan adalah muktamat.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain-pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk bermain.
- 2.2 Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak melebihi tiga (3) *pairs* sahaja.
- 2.3 Borang Pendaftaran Atlet hendaklah dihantar seperti yang ditetapkan pengelola.

3. PAKAIAN / ALATAN

- 3.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan dan mematuhi peraturan pemakaian sukan Lawnbowls.
- 3.2 Setiap peserta dikehendaki memakai baju yang berlengan pendek atau panjang dan berkolar serta berseluar panjang.
- 3.3 Hanya kasut sukan/ lawn bowls yang tidak bertumit dan bertapak licin sahaja yang boleh digunakan dan dipakai.

4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut masa atau hingga perolehan ends oleh mana-mana pemain/pasukan mengikut yang mana terdahulu seperti berikut:-

BIL	DISIPLIN	SHOTS / ENDS	MASA	PENGGUNAAN BOWLS
1	Pairs	6 ends	1 Jam	4 bowls setiap pemain

- 4.2 Apabila hon dibunyikan bagi tempoh 1 jam itu, end yang sedang berjalan akan dihabiskan jika *jack* telah digolek dengan sah.
- 4.3 Pengurus / Atlet hendaklah mendapatkan *scorecard* 15 minit sebelum perlawanan.
- 4.4 Tiada sebarang *trial end* sebelum pertandingan.
- 4.5 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, perlawanan akan dijalankan secara liga dan perlawanan pusingan kedua hingga akhir akan dijalankan secara kalah keluar.

- 4.6 Cara Memutuskan Keputusan
- 4.6.1 Pemberian mata perlawanan: Menang; 2 mata, Seri; 1 mata, Kalah; 0 Mata
- 4.6.2 Pemain / Pasukan yang memperolehi mata yang paling banyak adalah dianggap sebagai Johan Kumpulan.
- 4.6.3 Jika masih seri, pemain / pasukan yang memperolehi perbezaan net *shot (margin)* yang terbanyak akan dikira pemenang. (*Where points are equal, then the team with the greater Shots difference (Shots for minus Shots AGAINST) will be the higher placed team*).
- 4.6.4 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memperolehi *shot* yang terbanyak akan dikira pemenang. (*If equality still exists the team scoring the most Shot in all matches played in that competition will be the higher placed*).
- 4.6.5 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memenangi antara kedua-duanya akan dikira pemenang. (*If equality still exists, then the players / team who won between the two will be the winners*).
- 4.7 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memenangi *end* terbanyak akan dikira pemenang.

5. KELEWATAN / PERLAWANAN TERTUNDA

- 5.1 Setiap perlawanan hendaklah dimulakan sebaik sahaja isyarat bermain diberikan oleh *umpires*.
- 5.2 Mana-mana perlawanan yang tidak dapat dijalankan setelah isyarat bermain diberikan, penalti skor akan dikenakan seperti berikut:-
- 5.3 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberi satu 1 *shot* kepada pihak lawan dan lima minit seterusnya sehinggalah melebihi 15 minit maka kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan *shot* 7-0.
- 5.4 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 9 *end* dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambil kira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 9 *end*, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Lawn Bowls SUKUM dan akan dimaklumkan 30 minit selepas diberhentikan.

6. RE –SPOT JACK

- 6.1 Tiada *dead end* dalam permainan.
- 6.2 Jika *jack* telah keluar dari *rink* ianya akan diletakkan pada point 'T'.

7. MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan Am 12.0

8. RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
LELAKI	1 (2)	1 (2)	2 (4)
WANITA	1 (2)	1 (2)	2 (4)